

20/05/1999

PM mahu laporan projek rumah kos rendah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri menyegerakan pelaksanaan projek perumahan kos rendah bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara serta mengatasi masalah perumahan rakyat berpendapatan rendah.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu setiap kerajaan negeri mengemukakan laporan prestasi pelaksanaan program perumahan itu setiap dua minggu kepadanya dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata arahan itu terkandung dalam surat yang ditulis sendiri Perdana Menteri kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri, bulan lalu.

Menurutnya, arahan itu hanya membabitkan projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan kerajaan negeri.

"Perdana Menteri meminta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri memberi perhatian sepenuhnya terhadap pelaksanaan program perumahan kos rendah dan mengemukakan laporan setiap dua minggu.

"Ini membuktikan keprihatinan Perdana Menteri terhadap pelaksanaan rumah kos rendah di seluruh negara bagi memesatkan pemulihan ekonomi negara serta membantu golongan berpendapatan rendah, seperti setinggan, memiliki rumah," katanya selepas mesyuarat Kabinet di sini, hari ini.

Dr Ting berkata, pelaksanaan projek perumahan kos rendah penting bagi membantu pemulihan ekonomi negara kerana ia menggunakan hampir 100 peratus bahan tempatan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), kerajaan menetapkan sasaran membina 235,000 unit rumah kos rendah. Bagaimanapun, dalam tempoh 1996-1998, hanya 102,624 unit siap dibina.

Selain itu, pada 1995 kerajaan meluluskan geran RM600 juta bagi membina 27 projek menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) membabitkan 14,745 unit dan setakat ini, 10,673 unit siap manakala selebihnya dalam proses pembinaan.

Mengikut program PPR, golongan berpendapatan rendah dan setinggan dibenarkan menyewa unit rumah berkenaan sehingga lima tahun dengan bayaran RM124 sebulan di Kuala Lumpur manakala RM100 di kawasan lain.

Selepas tempoh itu, mereka diharap berupaya memiliki sendiri rumah dan mengosongkan rumah yang disewa bagi membolehkan penyewa baru mendudukinya.

Mengenai kemungkinan Perdana Menteri tidak puas hati prestasi pelaksanaan projek perumahan kos rendah sehingga terpaksa mengeluarkan arahan itu, Dr Ting berkata:

"Arahan bertujuan memastikan program perumahan kos rendah berjalan lancar untuk memesatkan pemulihan ekonomi negara, sekali gus membuktikan keprihatinan Perdana Menteri terhadap perumahan rakyat."

Mengenai laporan pertama kerajaan negeri selepas arahan itu dikeluarkan, Dr Ting berkata, beliau tidak mengetahuinya kerana ia dikemukakan kepada Perdana Menteri dan MTEN.

Menurutnya, selain 235,000 unit rumah kos rendah yang ditetapkan dalam RM-7, kerajaan juga sedang membina 35,000 unit rumah kos rendah di ibu negara dengan peruntukan RM1.45 bilion.

(END)